

17/10/2002

Anita mahu temui pencipta Lodeh Mat Lodeh

KUCHING, Rabu - Anita Sarawak, penyanyi yang mempopularkan lagu Lodeh Oh Mat Lodeh, berhasrat menemui pencipta lagu berkenaan, Ahmad Salleh yang kini menghadapi masalah mendapatkan geran tanah tempat tinggal serta uzur kerana menghidap darah tinggi.

Penyanyi bertaraf antarabangsa itu berkata, beliau akan menemui Ahmad, 72, jika ada kesempatan apabila balik ke ibu negara, tetapi bukan untuk campur tangan mengenai masalah geran tanah yang dihadapi pencipta lagu itu.

"Memang saya agak terkilan jika dia menghadapi masalah itu. Memang saya pernah mempopularkan lagu dia pada tahun 70-an. Malah, sampai sekarang saya sering menyanyikan lagu itu pada pertunjukan pentas.

"Tetapi saya jarang mengikuti perkembangan dia dan tak tahu di mana dia tinggal sekarang.

"Sebagai insan seni, kita perlu menjenguk orang lama yang menghadapi masalah, bertanya khabar mereka selain mengetahui perkembangan selepas tidak bergiat dalam bidang seni lagi.

"Saya sedia menemui dia, tetapi bukan untuk campur tangan dalam masalah tanah kerana masalah itu dengan kerajaan. Jika ada masalah lain yang boleh kita bantu, kita akan usahakan," katanya ketika ditemui malam tadi.

Anita yang berasal dari Sarawak berada di sini bagi memenuhi jemputan Lembaga Pelancongan Sarawak untuk mengadakan persembahan di Padang Merdeka malam ini.

Beliau ditemani suaminya, Mahathir Abdullah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) malam tadi disambut penari tradisional dan kain rentang yang tertera perkataan `Selamat Kembali ke Sarawak, Anita Sarawak'.

Pada Jumaat lalu Berita Harian menyiarkan laporan Ahmad yang merayu Kerajaan Selangor meluluskan permohonan sejak lebih 30 tahun lalu supaya tanah tempat tinggalnya di Kampung Seri Kundang, Kuang diberikan geran.